

Headline	Dollah masih belum puas hati		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	62	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH	AdValue	RM 2,313
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,938



Dollah masih belum puas hati

Meskipun Sang Saka Biru menewaskan UiTM 2-0

MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH
'HANCUR.'

Itulah gambaran paling tepat yang diberikan ketua jurulatih Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dollah Salleh terhadap persembahan skuad bimbingannya ketika menewaskan UiTM 2-0 pada aksi Liga Premier di Stadium UiTM Shah Alam kelmarin.

Meskipun menang hasil jaringan Charles Souza Chad dan Mohamadou Sumareh, Dollah masih belum berpuas hati dengan keseluruhan prestasi skuad Sang Saka Biru itu.

Pengendali berusia 50 tahun itu menganggap faktor cuaca panas terik menyebabkan anak-anak buahnya kepenatan, sekali gus menampilkan persembahan longlai pada perlawanan tersebut.

Bagaimanapun, Dollah tetap gembira dengan tiga mata berharga diperoleh itu bagi meneruskan penguasaan sebagai pendahulu Liga Premier dengan kelebihan tiga mata ke atas pasukan di tangga kedua, Pulau Pinang yang mengumpul 26 mata.

"Semua pemain nampak letih, mungkin kerana kami beraksi dalam cuaca yang panas dan segala-galanya serba tidak menjadi hari ini (kelmarin), baik dari bahagian pertahanan hingga ke barisan penyerang.

"Siapa yang tidak tengok perlawanan memang mereka rasa gembira sebab menang 2-0 tetapi kalau mereka datang ke stadium, saya rasa mereka pasti 'sakit mata' lihat permainan kami.

"UiTM juga hampir-hampir menewaskan kami. Apabila hilang tumpuan dan tidak buat kerja dengan baik, perkara sebegini boleh terjadi. Apapun, saya gembira dengan tiga mata ini," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* kelmarin.

Mengulas lanjut, Dollah mengakui sudah tiba masanya skuad Sang Saka Biru bangkit dan mempelajari kesilapan ini sekiranya mahu layak ke pentas Liga Super musim depan.

"Kalau kami kekalkan rentak macam ini, 'masak' kami nanti. Saya rasa hendak pertahankan kedudukan dalam kelompok empat teratas juga susah.

"Kami perlu bangkit selepas ini. Kami tidak boleh teruskan sikap ambil mudah sebegini dan peringkatkan usaha jika mahu mencapai melangkah lebih jauh," jelasnya.



CHARLES SOUZA (kiri) cuba melepasi kawalan pemain UiTM ketika menang 2-0 pada aksi Liga Premier di Stadium UiTM Shah Alam kelmarin.